

Malaysia- Singapura harus kerjasama — Musa

JOHOR BAHRU, Isnin — Malaysia dan Singapura saling memerlukan dalam membangunkan ekonomi masing-masing serta menjamin kemantapan rantau Asia Tenggara.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata, kelancaran perkhidmatan perhubungan darat adalah penting kerana kemudahan Pelabuhan Singapura akan terus diperlukan oleh negara ini.

"Kita harus mengakui kenyataan bahawa walaupun kita mempunyai Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Johor misalnya, kita masih memerlukan perkhidmatan di Pelabuhan Singapura yang dianggap terbesar di dunia itu.

"Atas sebab-sebab itu kesibukan lalulintas di Tambak Johor tidak dapat dielakkan," katanya kepada para pemberita di sini, hari ini.

Di samping itu, tambahnya, kesesakan lalulintas dua negara itu berpunca dari hubungan rapat dalam pelbagai aspek.

Menurut beliau, ciri-ciri seperti itu bukan saja dialami oleh Malaysia-Singapura, malah lain-lain negara jiran.

Bellau berkata, ramai rakyat Malaysia ke Singapura untuk membeli-belah dan menikmati keindahan bandaraya, sementara rakyat Singapura ke Malaysia untuk menikmati udara nyaman.

Datuk Musa berkata, kepentingan ekonomi bersama dan keperluan rakyat kedua-dua negara itu mendorong Kerajaan Malaysia memperbaiki sistem perhubungan darat, khususnya Tambak Johor.

Kerajaan, tegasnya, membelanjakan hampir \$5 juta bagi kerja-kerja pembaikan dan ubahsual Kompleks Pusat Keluar-Masuk Johor (Jeep) di kawasan Tambak dan Kompleks Kastam di Bukit Petri.

Kompleks Bukit Petri siap diubahsual Jun lalu sementara Kompleks Jeep kini 90 peratus siap.

Menurut Datuk Musa, pembangunan fizikal saja tidak dapat mengatasi masalah kesesakan jika tidak ditambah jumlah kakitangan kastam dan imigresen.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia